

13/04/2001

Doktor reka penampal gigi tanpa raksa

KUALA LUMPUR, Khamis - Seorang doktor gigi tempatan membuktikan kemampuan rakyat Malaysia, apabila berjaya mereka cipta Silverfil, sejenis amalgam atau adunan tanpa raksa bagi kegunaan menampal lubang pada gigi.

Penemuan produk unik dan terbaru ini dipercayai yang pertama di dunia melalui usaha penyelidikan selama 17 tahun oleh Dr S Radhakrishnan. Sehingga kini, bahan tampalan gigi yang digunakan di seluruh dunia mengandungi bahan campuran perak, timah dan tembaga.

Bagaimanapun, Silverfil cuma menggunakan perak yang kesannya dapat menyerap keseluruhan raksa ketika membancuh. Ini dapat mengurangkan risiko kesan raksa yang mendatangkan mudarat kepada manusia, terutama ibu mengandung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan produk berkenaan di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, dekat sini hari ini.

Malah, teknologi pemrosesannya sudah dipatenkan di seluruh dunia dengan beberapa geran paten diberikan di Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong, Korea Selatan, Russia, Jepun, beberapa negara Eropah dan Amerika Latin, selain Malaysia.

Dr Mahathir dalam ucapannya pada majlis berkenaan berkata, kejayaan itu membuktikan rakyat Malaysia juga mampu menghasilkan satu produk berteknologi tinggi mengikut kategori bioteknologi yang berasaskan penyelidikan dan pembangunan.

"Saya berasa bangga dan mengucapkan syabas kepada Dr Radhakrishnan dan syarikat Dunia Perwira Sdn Bhd (Perwira Dunia) yang memberikan sokongan kewangan dan moral dalam usaha penyelidikan bagi menghasilkan satu produk tampalan gigi unik dan terkini," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, yang ditemui selepas majlis itu berkata usaha akan dibuat dengan sokongan kerajaan untuk mendapat perakuan penggunaan Silverfil daripada pihak berkuasa di seluruh dunia.

Malah, katanya, kesempatan untuk menyakin dan mempromosikan penggunaan produk itu akan dilakukan apabila Malaysia menjadi tuan rumah Kongres Pergigian Sedunia di ibu negara, September ini.

Dr Radhakrishnan pula berkata, Silverfil adalah bahan inovatif campuran lembut yang diolah untuk menampal gigi dan apabila kering ia menjadi keras serta tidak mempunyai apa-apa kesan 'raksa bebas'.

(END)